

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)
Sent: Thursday, 31 March, 2016 2:40 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Cc: Prof. Madya Dr. Noor Azniza bt. Ishak; Salehuddin Bin Salim
Subject: SAPSP ONLINE : MAJLIS SAPSP BERSAMA NAIB CANSELOR 2016 (MBNC2016)



**Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial**

SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY

Universiti Utara Malaysia



**“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

MAJLIS SAPSP Bersama NAIB CANSOLOR 2016



Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial
SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY
Universiti Utara Malaysia



SAPSP ONLINE : Pada 29 Mac 2016 (Selasa), **Yang Berbahagia Prof. Dato' Seri Dr. Mohamad Mustafa Ishak**, Naib Canselor UUM telah menyempurnakan **MAJLIS SAPSP BERSAMA NAIB CANSELOR 2016** anjuran Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) bertempat di Bangunan SAPSP. Kehadiran Naib Canselor ke SAPSP selama dua (2) jam itu telah diraikan oleh Penolong Naib Canselor UUMCAS, Dekan, Penjawat serta wakil Persatuan Pelajar SAPSP. Dalam ucapan Naib Canselor, beliau sangat menghargai atas inisiatif yang diambil oleh SAPSP mengadakan majlis sebegini dalam mengeratkan ukhuwah dan perkongsian agenda universiti-pusat pengajian. Dalam aspek kualiti program, beliau menyatakan tentang kepentingan kepada semua pusat pengajian untuk membuat semakan kurikulum dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sekali atau kurang seiring dengan perubahan persekitaran global yang berlaku. Tambah beliau lagi, sudah sampai masanya semua bidang kaunseling, kerja sosial dan polisi sosial menggunakan kajian kes sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan. Untuk membolehkan sesi pengajian yang lebih menarik, **pihak yang dikaji** juga boleh diundang semasa sesi pembelajaran sebagai tetamu dalam membantu pemahaman dengan pelajar.

Tujuan MBNC2016 dianjurkan adalah sebagai meraikan penjenamaan semula nama Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, beberapa pencapaian penting SAPSP bagi tahun 2015 seperti pengiktirafan *Asean University Network – Quality Assurance (AUN-QA)*, pengiktirafan sebagai Johan 5S Pusat Pengajian 2015, selain meraikan mantan kakitangan yang pernah berkhidmat dengan SAPSP dan yang akan menamatkan perkhidmatan. Majlis yang diadakan ini adalah hasil sumbangan dan kerjasama semua kakitangan SAPSP dan bantuan wakil persatuan pelajar SAPSP.

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Noor Azniza Ishak, Dekan SAPSP juga turut menyatakan MBNC2016 yang diadakan kali ini adalah sangat bermakna kepada semua kakitangannya atas pencapaian kakitangan dan Pusat Pengajian secara umumnya selain sebagai menjalinkan ukhuwah bersama pihak pengurusan universiti. Antara jemputan yang hadir ialah Dekan-Dekan dari SOC, SEML, SQS, SMMTC, Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni COB, CAS dan COLGIS, Pengarah Jabatan Canselor, dan kakitangan yang diraikan oleh SAPSP, iaitu En. Amirullah Ikrami Akkbar Jahan, Puan Norizan Abu Bakar, Puan Jamilah Ibrahim, Puan Rossni Bakar, Puan Ismawati Ismail. Pihak Pengurusan berharap majlis yang diadakan secara bersama dengan Kelab, Sosial, Sukan dan Kebajikan (SOSUKE, SAPSP) ini dapat diteruskan untuk masa akan datang.

Sekian.

School Of Applied Psychology, Social Work and Policy (SAPSP)

College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

MALAYSIA

Phone : +60 (4) 928 5711/5717

Fax : + 60 (4) 928 5754

Email : sapsp@uum.edu.my

